

# Tukar **identiti** elak dikesan Portugis

Mohd Azam Shah Yaacob  
mohdazam@hmetro.com.my

■ **Pengkaji dakwa Enrique de Malacca pulang ke Melaka ikut kapal dagang**

**Bangi**

**K**e mana perginya Panglima Awang dan wujudkah waris keturunannya di negara ini terus menjadi tanda tanya dalam kalangan pengkaji sejarah.

Ini kerana berdasarkan rekod yang ditulis pencatat ekspedisi Ferdinand Magellan iaitu Antonio Pigafetta, Enrique de Malacca atau Panglima Awang disahkan tidak meneruskan pelayaran sebaik Magellan mati dalam peperangan dengan pribumi Mactan, Filipina pada 27 April 1521.

Rekod berkenaan adalah

catatan terakhir mengenai Panglima Awang dan beritanya tidak lagi kedengaran selepas itu.

Pensyarah Jemputan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Emeritus Dr Hashim Musa berkata, sehingga kini pihaknya serta pengkaji lain masih mencari jejak Panglima Awang di negara ini seperti kubur atau waris keturunannya.

Katanya, pencarian jejak Panglima Awang disifatkan penting bagi memuktamad serta melengkapkan pelayaran tokoh legenda itu yang mengelilingi dunia.

“Oleh kerana dalam wasiat Magellan dinyatakan bahawa Panglima Awang adalah pribumi di Melaka, maka kami percaya sebelum menjadi tawanan, dia mempunyai keluarga di Melaka.

“Malah, selepas berpisah dengan kumpulannya, kami pasti dia (Panglima Awang) secara senyap kembali ke Melaka



dan mencari keluarganya dengan mengikut kapal dagang lain,” katanya.

Hashim berkata, kehilangan jejak Panglima Awang dipercayai kerana tokoh terabit tidak lagi menggunakan nama Enrique sebaliknya menggunakan nama lain bagi mengelak dikesan tentera Portugis.

“Pelayaran Magellan ini penuh kontroversi kerana mereka boleh dianggap sebagai pembelot kepada Portugis sebaik belayar ke Maluku menerusi panti-panti Sepanyol, sedangkan Magellan adalah orang Portugis.

“Jadi, kami yakin Panglima Awang secara senyap menukar identiti untuk mengelak dikesan Portu-

gis dan kembali ke Melaka mencari keluarganya,” katanya.

Malah, Hashim berkata, kehilangan jejak Panglima Awang juga menolak kemungkinan dia menetap di Pulau Cebu atau ke Maluku, sekali gus menafikan kewujudan Enrique Cebu atau Enrique Maluku.

“Jika dia menetap di Cebu (Filipina) atau di Maluku (Indonesia), pasti dia diangkat sebagai orang penting masyarakat di sana kerana belayar mengikut armada yang gah dan besar. Namanya pasti diangkat orang tempatan.

“Tapi sehingga kini bukan saja dokumen, cerita penduduk tempatan mengenai pun tiada. Jadi, ia bukan sekadar menyanggah dakwaan Panglima Awang berasal dari Cebu mahupun Maluku, sebaliknya menguatkan andaian dia kembali ke Melaka selepas itu,” katanya.



**“ Kita yakin Panglima Awang secara senyap menukar identiti untuk mengelak dikesan Portugis Dr Hashim Musa ”**